

Pelaku syok sendiri ganggu mangsa

Kemudahan aplikasi media sosial turut menjadi penyumbang kes jenayah

Oleh **MUKHRIZ MAT HUSIN**
SHAH ALAM

Pakar mendedahkan terdapat tujuh faktor yang menyumbang kepada perlakuan jenayah gangguan seksual di negara ini.

Antaranya adalah masalah kesihatan mental, gangguan personaliti, pengalaman lepas, persekitaran, kecenderungan rangsangan, tiada kawalan kepada kewujudan aplikasi media sosial serta pendedahan aktiviti mempromosikan diri melalui platform tersebut.

Pakar Psikologi dan Kaunseling Universiti Pendidikan

LAPORAN KHAS

Sultan Idris (UPSI), Dr Fauziah Mohd Saad berkata, kesihatan mental kebiasaannya berpunca daripada masalah ketagihan di mana pelaku gemar melakukan perkara yang tidak senonoh.

"Perkara ini mungkin disebabkan kecenderungan rangsangan di mana mereka selalu tengok bahan-bahan lucu sebelum ini.

"Selain itu apa yang menyebabkan mereka menjadi pengganggu seksual adalah kesihatan mental, pengalaman hitam zaman kanak-kanak, persekitaran buruk di mana mungkin cara dibesarkan atau pengaruh rakan-rakan.

"Ada juga gangguan personaliti narsis di mana mereka seronok melakukan gangguan, syok sendiri mengganggu orang lain se-



DR FAUZIAH



DR ZALMIZY

dangkan mangsa tidak suka pun," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Rabu lalu, Rang Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual 2021 (AGS 2021) diluluskan sebulat suara pada persidangan Dewan Rakyat.

RUU itu diluluskan selepas perbahasan melibatkan 26 ahli Parlimen pada Selasa dan Rabu selepas ia dibentangkan untuk bacaan kali ketiga.

Dalam pada itu, Pakar

Kriminologi daripada Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Zalmizy Hussin berkata, faktor menyumbang perlakuan gangguan seksual juga boleh dilihat dari segi kemudahan aplikasi media sosial.

Jelasnya, gangguan seksual menjurus kepada hampir 90 peratus kes jenayah seksual yang melibatkan mangsa berkenalan

melalui aplikasi seperti WeChat, Facebook, Tinders dan MiChat.

"Aplikasi WeChat mempunyai jumlah pengguna tertinggi berbanding aplikasi yang lain.

"Pendedahan awal dalam kalangan kanak-kanak terhadap gajet dan komputer menyebabkan mereka mudah terjebak dengan masalah gangguan seksual.

"Punca lain ialah aktiviti golongan wanita muda dalam talian seperti di aplikasi Bigo dan TikTok yang menonjolkan tubuh badan yang seksi menerusi siaran langsung demi mendapatkan rating," ujarnya.

Jenis-jenis gangguan seksual

- **Gangguan secara fizikal**
Segala bentuk perbuatan fizikal dalam jarak yang terlalu rapat sehingga menjurus kepada rasa kurang selesa.

- **Gangguan secara visual**
Menghantar mesej berunsur seksual menerusi media elektronik atau atas talian.

- **Gangguan secara lisan**
Segala jenis pertuturan yang berunsur seksual seperti perbuatan, jenaka atau usikan bunyi.

- **Gangguan secara psikologi**
Segala bentuk perbuatan yang cuba mempengaruhi, mendorong, mendesak, mengugut atau memujuk bagi memenuhi keinginan seksual.

